

Latihan Pemahaman

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soal-soalan yang berikutnya.(2.4)

Encik Lim ialah jiran kami. Kami berjiran sejak lima tahun lalu. Encik Lim ada empat orang anak. Saya dan anak-anak Encik Lim berkawan baik.

Pada masa lapang, saya suka bermain piano di rumah Encik Lim bersama-sama anaknya. Puan Lim pula akan menyediakan kuih donat untuk kami. Bapa dan Encik Lim pula berbual-bual di luar rumah.

Kami berasa gembira kerana mempunyai jiran yang baik seperti Encik Lim sekeluarga.

1. Siapakah Encik Lim?
A Jiran "saya" **B** Guru "saya"
2. "Saya" dan Encik Lim berjiran sejak bila?
A Tiga tahun lalu **B** Lima tahun lalu
3. "Saya" dan anak-anak Encik Lim suka bermain apa?
A Basikal **B** Piano
4. Di manakah bapa "saya" dan Encik Lim berbual-bual?
A Di halaman rumah
B Di dalam rumah
5. Siapakah menyediakan kuih donat untuk mereka?
A Emak Encik Lim
B Isteri Encik Lim